

**PRINSIP PERAKAUNAN**

**3756/2**

**Kertas 2**

**Sept 2021**

**2  $\frac{1}{2}$  jam**

---

---

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2021**

**PRINSIP PERAKAUNAN**

**Kertas 2**

**Dua jam tiga puluh minit**

---

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
2. *Jawab semua soalan di **Bahagian A** dan dua soalan di **Bahagian B**.*
3. *Tulis jawapan anda pada kertas jawapan.*
4. *Alat tulis perakaunan seperti Jurnal, Lejar dan Buku Tunai boleh digunakan jika perlu*
5. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
6. *Tunjukkan kerja mengira. Ini mungkin membantu anda mendapat markah*
7. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*

---

[Kertas Soalan ini mengandungi 7 halaman bercetak]

**BAHAGIAN A**  
[60 markah]  
Jawab *semua* soalan

1 (a) Nyatakan dua contoh dokumen bukan sumber. [2 markah]

(b) Sebuah mesin dibeli pada harga RM19 000. Pada akhir tempoh penggunaan, nilai skrap mesin dianggarkan bernilai RM2 000. Susut nilai mesin pada tahun terakhir RM3 400.

Hitungkan usia guna mesin tersebut. [2 markah]

(c) Nyatakan akaun yang perlu di debit dan di kredit bagi membetulkan urusanniaga di bawah.

Belian alat tulis RM233 oleh Restoran Lazat telah direkod dalam akaun belian.
---

[2 markah]

(d) Berdasarkan petikan penyata penyesuaian bank di bawah, nyatakan butiran yang tepat bagi X dan Y.

Penyata penyesuaian bank pada 31 Oktober 2021

		RM
Baki kredit Penyata bank		880
(+) Deposit belum kredit	3 300	
X	<u>55</u>	<u>3 355</u>
		4 235
(-) Cek belum kemuka	2 200	
Y	<u>990</u>	<u>3 190</u>
		1 045

[2 markah]

(e) 

Jumlah jualan	RM320 000
Akaun belum terima	4 000
60% dari jumlah jualan merupakan jualan tunai.	

Hitungkan tempoh yang diperlukan oleh perniagaan untuk mengutip hutang daripada pelanggan.

[2 markah]

2. Cik Wawa ialah seorang peniaga yang tidak menyimpan rekod-rekod perakaunannya mengikut sistem catatan bergu. Berikut ialah maklumat yang diperolehi daripada Perniagaan Wawa bagi tahun berakhir pada 30 Jun 2021.

Berikut ialah aset dan liabiliti bagi Perniagaan Wawa :

	1 Julai 2020 RM	30 Jun 2021 RM
Kenderaan	90 000	90 000
Alatan	18 400	18 000
Inventori	11 500	12 800
Akaun belum bayar	6 750	7 600
Insurans prabayar		140
Komisen belum terima	200	300

Buku Tunai

	Dis RM	Tunai RM	Bank RM		Dis RM	Tunai RM	Bank RM
Baki b/b		2 60		Baki b/b			2 000
Jualan		21 750	95 800	Insurans		1 680	
Komisen			4 600	Alatan			3 600
Tunai			17 000	Kadar bayaran		255	1 551
				Gaji		400	14 000
				Ak belum bayar	120		62 460
				Ambilan		1235	
				Bank		17 000	

Maklumat tambahan:

- i. Ambilan barang niaga RM50 sebulan belum direkod.
- ii. Belanja membaiki alatan RM450 telah di rekod sebagai belanja kadar bayaran.
- iii. Kenderaan disusut nilai 10% setahun mengikut kaedah garis lurus.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun kawalan belum bayar [3 markah]
- (b) Penyata modal awal [3 markah]
- (c) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2021 [11 markah]
- (d) Penyata kedudukan kewangan pada 30 Jun 2021 [8 markah]

- 3 Habib dan Wasim merupakan rakan kongsi *Ben Wahab Bersaudara*. Berikut merupakan Imbangan duga perniagaan pada 31 Ogos 2021.

Butir	Dt	Kt
Untung kasar		63 274
Inventori 31 Ogos 2021	14 000	
Premis	114 000	
Lengkapan	30 000	
Susut Nilai Terkumpul lengkapan		10800
Gaji pekerja	23 100	
Gaji Habib	30 900	
Kadar bayaran	3 260	
Insurans	2 580	
Tunai di bank	22 160	
Hutang lapuk	202	
Ak Belum Terima	3 618	
Ak Belum Bayar		4 100
Per Hutang ragu		270
Pinjaman bank (matang 2023)		40 000
Faedah atas pinjaman bank	1 080	
Modal 1 September 2020		
Wasim		75 000
Habib		50 000
Akaun Semasa 1 September 2020		
Wasim		2 556
Habib		1 450
Ambilan:		
Wasim (1 November 2020)	800	
Habib (31 Disember 2020)	1 750	
	247 450	247 450

Ikatan perjanjian perkongsian menetapkan:

- (i) Faedah atas modal 4% setahun
- (ii) Faedah ambilan 6% setahun
- (iii) Gaji Habib RM2 500 sebulan
- (iv) Untung rugi diagihkan ikut nisbah modal awal

Maklumat tambahan:

- (i) Pinjaman bank dibuat pada 1 Februari 2021. Faedah pinjaman ditetapkan pada kadar 6% setahun.
- (ii) Gaji pekerja RM900 telah direkod sebagai gaji Habib.
- (iii) Hutang lapuk RM220 telah direkod sebagai RM202 di kedua-dua akaun
- (iv) Peruntukan hutang ragu diselaraskan 4% atas baki akaun belum terima
- (v) Lengkapan disusut nilai 20% setahun pada nilai buku.

Anda dikehendaki menyediakan;

- (a) Penyata pendapatan dan pengasingan untung rugi bagi tahun berakhir 31 Ogos 2021 [12 markah]
- (b) Akaun Semasa beruangan [4 markah]
- (c) Penyata kedudukan kewangan pada 31 ogos 2021 [9 markah]

**BAHAGIAN B**  
[40 markah]  
Jawab mana-mana dua soalan

- 4 Berikut merupakan buku catatan pertama Umar Aziz Enterprise bagi bulan Jun 2021.

Jurnal Am

Tarikh	Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
Jun 1	Alatan	14 000	
	Tunai	350	
	Bank	23 300	
	Inventori	15 500	
	Kedai Murni	880	
	Jaya Store	1 400	
	Pop Berhad		3 500
	Modal		51930
		55430	55430
25	Ambilan	122	
	Belian		122
	(ambilan barangniaga)		

Jurnal Jualan

tarikh	Butir	Amaun (RM)
Jun 8	Johan Mart	1 400
17	Jaya Store	2 440
30	Ak jualan	3 840

Jurnal Pulangan jualan

tarikh	Butir	Amaun (RM)
Jun 20	Jaya Store	120
30	Ak pulangan jualan	120

Buku Tunai

Trkh	Butir	dis	Tunai	Bank	trkh	butir	dis	Tunai	bank
Jun 1	Baki b/b		350	23300	Jun 2	Pop Bhd	175		3325
4	Kedai Murni	44		836	10	Sewa			1200
5	Jualan			1300	16	Ambilan		123	
14	Jaya Store			1 000	20	Belian			900

Anda dikehendaki merekod ke lejar am (termasuk akaun kawalan belum terima).

[20 markah]

- 5(a) Jadual berikut menunjukkan anggaran jumlah kos dan hasil bagi Perusahaan Bahulu Pandan pada pelbagai tingkat pengeluaran.

Pengeluaran (Unit)	Jumlah kos (RM)	Jumlah hasil (RM)
0	5 000	0
200	6 400	3 400
600	9 200	10 200

(a) Anda dikehendaki menghitung:

- i) Kos berubah seunit [2 markah]
- ii) Titik pulang modal [2 markah]
- iii) Jumlah unit yang perlu dijual bagi keuntungan sebanyak RM3 000 [1 markah]

(b) Melakar graf titik pulang modal [5 markah]

- 5(b) Qi Trading menyediakan buku tunai runcit mengikut sistem panjar. Sebanyak RM250 telah diperuntukkan sebagai dana Tunai Runcit. Pada 31 Ogos 2021, baki tunai runcitnya ialah RM96.

Maklumat berikut diambil pada bulan September 2021.

September		RM
1	Terima tunai daripada ketua juruwang	?
3	Membeli kertas A4	25
7	Membayar pembaikan komputer	360
10	Membeli minuman pejabat	20
14	Membayar sampul surat bersetem	16
19	Membeli pewangi pejabat	15
21	Membayar bil elektrik secara tunai	230
23	Membayar upah cuci pejabat	45
24	Mengambil sampul surat bersetem untuk kegunaan peribadi	2
26	Mengepos surat berdaftar	14
29	Membeli katrij pencetak	56

Anda dikehendaki menyediakan buku tunai runcit dengan lajur analisis pos, belanja pejabat dan alat tulis. Tunjukkan bayaran balik pada 1 Oktober 2021.

[10 markah]

- 6 Maklumat berikut diperolehi daripada Kilang Tenun Songket Che Noor pada 31 Julai 2021

	<b>1 Ogos 2020</b>	<b>31 Julai 2021</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Inventori bahan langsung	42 100	40 440
Inventori barang siap	22 200	25 500
Inventori alat – alat kecil	310	460
Kerja dalam proses		
Bahan langsung	6 500	7 800
Buruh langsung	3 200	2 100
Overhed kilang	1 400	1 150
Mesin tenun	180 000	?
Jualan barang siap		500 000
Pulangan masuk barang siap		5 000
Pulangan keluar bahan langsung		520
Belian bahan langsung		233 660
Belian Mesin tenun		6 000
Belian alat – alat kecil		500
Komisen diterima		3 300
Gaji operator kilang		66 000
Belanja am		9 060
Insurans kilang		11 520
Upah pengurus kilang		24 500
Elektrik dan air		7 590
Angkutan masuk bahan langsung		1 050
Sewa kilang		36 000
Belanja royalti		5 980
Angkutan keluar		1 300
Upah kerani pentadbiran		18 000

Maklumat tambahan:

- i) Satu nota debit untuk belian bahan langsung RM300 telah tertinggal rekod
- ii) Angkutan masuk bahan langsung RM400 tersilap rekod ke sebagai angkutan keluar
- iii) Mesin tenun RM6 000 telah dibeli pada 1 Julai 2021. Semua Mesin tenun disusut nilai 10% setahun atas kos.
- iv) Premium Insurans kilang dibayar untuk tempoh setahun bermula 1 November 2020.
- v) Perbelanjaan bagi kilang dan pejabat diagihkan mengikut nisbah di bawah:

	Kilang	Pejabat
Belanja am	7	3
Elektrik dan air	3	2

Anda dikehendaki menyediakan:

- a) Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 31 Julai 2021. [17 markah]
- b) Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 31 Julai 2021 [ 3 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT